



"LAMBAIAN HAJI TUNTUTAN ILAHI".1


<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَنْ لَا تُشْرِكْ بِي شَيْئًا وَطَهِّرْ بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	5
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Saya mengingatkan dan menyeru kepada diri saya dan para Jemaah sekalian, agar kita sentiasa meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan mematuhi segala titah perintah-Nya, melaksanakan segala suruhan-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya.</p>	7
<p>Pada hari yang penuh keberkataan ini, marilah kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk "LAMBAIAN HAJI TUNTUTAN ILAHI".</p>	8
<p>Kini telah tiba masanya untuk para jemaah berangkat ke Makkah mengerjakan fardu haji, ada dikalangan kita atau saudara mara kita dan rakan taulan, sedang menunggu- nunggu penerbangan untuk menunaikan ibadah ini. Pada hari ini mengikut jadual Lembaga Tabung Haji Insya Allah telah dan akan berlepas membawa Jemaah menunaikan fardhu haji. Allah SWT mensyariatkan kepada umat Islam yang melakukan ibadat haji agar memulakan rehlah iman ini dengan hati yang ikhlas, seperti yang terangkum dalam laungan talbiah.</p>	9
<p>لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ، وَالنِّعْمَةَ، لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ</p>	10

¹ Al-Hajj : 26

<p><i>“Aku memenuhi panggilan-Mu ya Allah, Aku memenuhi panggilan-Mu, Aku memenuhi panggilan-Mu. Tiada sekutu bagi-Mu. Sesungguhnya segala pujian, kenikmatan dan kerajaan adalah milik-Mu. Tiada sekutu bagi-Mu”.</i></p>	11
<p><i>Talbiah yang menyentuh emosi dan perasaan ini, menggambarkan keadaan umat Islam untuk sentiasa beriltizam dengan mentauhidkan Allah dengan hati yang penuh ikhlas serta menjauhi segala perbuatan syirik.</i></p>	12
<p>Dalam konteks ini Allah SWT berfirman dalam surah Al Hajj ayat 27 :</p> <p style="text-align: center;">وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ</p>	13
<p><i>“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan Ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh”.</i></p>	14
<p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Kita sedia maklum, bahawa menunaikan fardhu haji merupakan salah satu dari Rukun Islam. Kewajipan menunaikan ibadah Haji kepada setiap umat Islam yang mempunyai kemampuan</p>	15
<p>telah dijelaskan oleh Baginda Rasulullah SAW dimana Abu Razin Al ‘Uqaili meriwayatkan bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai bapanya yang telah tua, tidak mampu mengerjakan haji dan umrah, Rasulullah SAW menjawab:</p> <p style="text-align: center;">حُجَّ عَنْ أَبِيكَ وَاعْتَمِرْ</p> <p style="text-align: center;">“Hajikan bagi pihak bapamu dan lakukanlah umrah”. (Riwayat at-Tirmizi).</p>	16
<p>Begitu juga Ibn Abbas R.Anhuma menceritakan bahawa dimana seorang wanita dari bani Juhainah datang bertanya kepada Rasulullah memberitahu bahawa ibunya telah bernazar untuk menunaikan haji tetapi ia telah meninggal dunia sebelum nazarnya tertunai, adakah ia perlu menunaikan haji bagi pihak ibunya? Rasulullah menjawab dengan sabdanya:</p> <p style="text-align: center;">نَعَمْ! حُجِّي عَنْهَا، أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَىٰ أُمَّكَ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَةً؟ اقْضُوا لِلَّهِ فَاللَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ</p>	17

<p style="text-align: center;"><i>“Ya! hajikanlah bagi pihaknya. Adakah jika ibumu mempunyai hutang tidakkah kamu yang akan membayarnya? Oleh itu tunaikanlah kerana hutang kepada Allah lebih perlu ditunaikan”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Al-Bukhari).</i></p>	18
<p>Sidang jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Seperti ibadah-ibadah yang lain, haji juga mempunyai peraturan-peraturan dan pantang larang ketika dalam ihram dan ketika berada di tanah suci. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 197:</p> <p style="text-align: center;"> الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ ۖ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ ۗ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمَهُ اللَّهُ ۗ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ ۗ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ﴿١٩٧﴾ </p>	19
<p><i>“(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) Ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, Dalam masa mengerjakan Ibadat Haji.</i></p>	20
<p><i>dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)”.</i></p>	21
<p>Hal ini telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah R.Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"> مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ، فَلَمْ يَرْفُثْ، وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ </p>	22
<p><i>“Sesiapa yang mengerjakan haji kemudian ia tidak mengeluarkan kata-kata lucah dan tidak berbuat maksiat maka ia bersih dari dosa bagikan ia berada pada hari ia dilahirkan oleh ibunya”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Al-Bukhari).</i></p>	23
<p>Sesiapa yang patuh, maka berjayalah ia untuk mendapat haji yang mabrur iaitu haji yang diterima baik oleh Allah SWT dan mendapat balasan Syurga dari Allah SWT.</p>	24

<p>Hadis daripada Abu Hurairah R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ، لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ</p>	25
<p><i>“Antara satu umrah ke satu umrah yang lain adalah penghapus dosa. Manakala Haji yang mabrur tiada balasan yang lain melainkan syurga”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Nasa’ie).</i></p>	26
<p>Sebaliknya sesiapa yang tidak diterima haji dan ibadahnya oleh Allah, maka sia-sialah amalannya dan dia termasuk dalam kalangan orang yang rugi di akhirat nanti serta dia akan berhadapan dengan perhitungan Allah.</p> <p>Muslimin yang dikasihi Allah,</p>	27
<p>Kepada para Jemaah yang akan menunaikan haji pada tahun ini, kita doakan agar ibadah haji anda diterima oleh Allah SWT, diberikan kesihatan dan dipermudahkan segala urusan. Sekembalinya anda dari tanah suci nanti bererti anda telah berjaya menjalani segala ujian sepanjang melaksanakan ibadah haji</p>	28
<p>Justeru itu, mantapkan keimanan dan ketakwaan kearah yang lebih baik dan hendaklah terus istiqamah dalam menunaikan ibadah seperti yang lazim dilakukan ketika berada di tanah suci seperti memperbanyakkan membaca al-Quran, mengimarahkan masjid, beriltizam menunaikan solat berjemaah dan menampilkan diri dengan akhlak-akhlak Islam yang mulia.</p>	29
<p>Adalah diharapkan mereka yang belum mendaftar untuk menunaikan haji hendaklah segera mendaftar dan jangan menanggung- nanggungkannya, banyakkkan bersabar, dan berdoa mudah-mudahan dimurahkan rezeki, dipermudahkan segala urusan dan cepat mendapat giliran untuk menunaikannya.</p>	30
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Ada beberapa tausiah penting yang perlu diberi perhatian oleh bakal-bakal Haji dan kepada kita yang telah mengerjakannya bahkan oleh seluruh para Jemaah sekalian iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam wajib melaksanakan ibadah Haji bagi yang mampu dan cukup syarat semata-mata menjunjung titah perintah Allah SWT. 2. Umat Islam yang menunaikan ibadah Haji hendaklah memurnikan niat semata-mata kerana Allah SWT. Bukan untuk melancong dan berhibur. 	31

<p>3. Umat Islam hendaklah mengingati bahawa mereka yang mampu dan cukup syarat tetapi tidak berniat untuk menunaikan Haji maka matinya dalam keadaan Jahiliah.</p> <p>4. Umat Islam hendaklah mengambil iktibar dari hikmah ibadah haji iaitu mendidik diri agar sentiasa memelihara iman, lida dan perbuatan supaya tidak terjerumus kearah melakukan perkara sia- sia dan maksiat, seterusnya menjadi individu muslim yang terbaik, memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat.</p>	32
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ</p> 	33
<p><i>“Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); Sesungguhnya Engkau lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Baqarah : 127).</i></p>	34
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ</p> <p>وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُمْ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	35
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ</p> <p>إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	36

KHUTBAH KEDUA.37

38	<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>
39	<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>
41	<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>
41	<p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>
42	<p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>
43	<p>Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>
44	<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>
45	<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>
46	<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>
47	<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ</p>

<p>إِنبِالِسُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	<p>48</p>
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	<p>49</p>
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan...</p>	<p>50</p>
<p>...dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan...</p>	<p>51</p>
<p>...pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia,...</p>	<p>52</p>
<p>...satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana...</p>	<p>53</p>
<p>...dan peliharalah kami daripada ajaran sesat seperti Syiah, Qadyani, dan lain-lain ajaran yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan...</p>	<p>54</p>
<p>...pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, ...</p>	<p>55</p>
<p>... mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	<p>56</p>
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،</p>	<p>57</p>
<p>إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾</p>	<p>58</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>59</p>